



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

### **PEGAWAI PROJEK (B.2 EB.3/B.2) KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PROJEK**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN]**

**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pemasaran / Pengurusan Awam / Pengurusan Pelancongan dan Perhotelan / Pengurusan Perniagaan dan Kewangan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang Pemasaran / Pengurusan Awam / Pengurusan Pelancongan dan Perhotelan / Pengurusan Perniagaan dan Kewangan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Projek Tingkat I atau dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA AM:**

1. Mengumpulkan data / maklumat dan menyediakan perangkaan (statistik) berkaitan dengan projek;
2. Menyediakan laporan / kertas kerja yang berkaitan dengan projek;



3. Menyelaras dan menyediakan cadangan-cadangan projek Jabatan dan yang melibatkan Jabatan;
4. Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja; dan
5. Menilai kedudukan-kedudukan projek dan membuat laporan.

#### **DI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

1. Membangunkan piawaian-piawaian yang bersesuaian dalam bidang Pelancongan;
2. Mengendalikan kerja-kerja pengauditan bagi piawaian-piawaian yang di bawah bidang kuasa Jabatan Kemajuan Pelancongan;
3. Selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Piawaian Kebangsaan Pelancongan Brunei Darussalam;
4. Membentuk klasifikasi premis-premis penginapan untuk digunakan oleh Unit Perlesenan dan Penguatkuasaan bagi pendaftaran premis penginapan;
5. Memastikan premis-premis penginapan mengikut klasifikasi-klasifikasi yang telah ditetapkan bagi pendaftaran premis penginapan;
6. Memberikan khidmat nasihat piawaian kepada pihak berkepentingan dalam industri pelancongan;
7. Menghadiri dan mengendalikan mesyuarat atau kursus yang berkaitan dengan bidang piawaian pelancongan di dalam dan luar negara;
8. Bertanggungjawab ke atas penggubalan, implementasi dan juga latihan bagi piawaian tandas awam *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*; dan
9. Bertanggungjawab dalam memberikan taklimat (maklumat), implementasi, pemantauan dan fasilitasi bagi piawaian-piawaian *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)* seperti berikut:-
  - *ASEAN Green Hotel Standard*;
  - *ASEAN Homestay Standard*;
  - *ASEAN Public Toilet Standard*;
  - *ASEAN Spa Service Standard*;
  - *Tourism Security and Safety Guidelines*;
  - *ASEAN Tourism Standards in Responding to the Climate Change*;
  - *ASEAN Clean Tourist City Standards*;
  - *ASEAN Tourism to Address the Climate Change Issue*; dan
  - *ASEAN Community-Based Tourism Standard*.